

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2009**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

### **TAMBAHAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL 3 TAHUN 2009: PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI, BAB 1: BAHAGIAN II KUASA-KUASA PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tambahan kepada Pekeliling Bendahari Bil 3 Tahun 2009: Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) bagi Bab 1: Bahagian II Kuasa-Kuasa Pengurusan Kewangan.

#### **LATARBELAKANG**

2.1 Jawatankuasa Tetap Kewangan yang bermesyuarat pada 29 Jun 2009 telah bersetuju meluluskan tambahan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) bagi Bab 1: Bahagian II Kuasa-Kuasa Pengurusan Kewangan untuk menjadi sumber rujukan kewangan yang berkesan;

2.2 Tambahan bagi Bab 1: Bahagian II Kuasa-Kuasa Pengurusan Kewangan mengandungi struktur pengurusan kewangan Universiti, Statut Jawatankuasa Tetap Kewangan, terma dan rujukan setiap Jawatankuasa Pengurusan

Kewangan, tatacara mesyuarat dan tatacara menandatangani cek, arahan bayaran dan surat kuasa kepada pihak bank.

## **TAMBAHAN PKPU**

3.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Bendahari ini, PKPU sediada bagi para 1.17, 1.18, 1.19, 1.20, 1.21 dan 1.22 adalah ditambah dan dikemaskini dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang sedia ada. PKPU Bab 1: Bahagian II Kuasa-Kuasa Pengurusan Kewangan yang lengkap adalah seperti **Lampiran 1**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2009.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan tugas



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Pahang

12 Ogos 2009

s.k **Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**  
Naib Canselor

**Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Bin Mohd.**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Dr. Rosli Bin Mohd Yunus**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y.Bhg. Tn. Hj. Mustafa Bin Ibrahim**  
Pendaftar

**BAB 1 : BAHAGIAN II**

**KUASA-KUASA PENGURUSAN KEWANGAN**

**1.17 Punca Kuasa Pengurusan Kewangan**

Bab 1 Bahagian I PKPU ini telah menjelaskan kuasa Universiti, kuasa tambahan Universiti dan Bahagian IV Peruntukan Kewangan dalam P.U.(A) 37 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.

**1.18 Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Kewangan**

Bagi menjalankan kuasa dan tanggungjawab pengurusan kewangan, Universiti menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Kewangan seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Tetap Kewangan
- (ii) Jawatankuasa Perolehan
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
- (iv) Jawatankuasa Pelaburan
- (v) Jawatankuasa Belanjawan
- (vi) Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti
- (vii) Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan

Struktur Jawatankuasa Pengurusan Kewangan adalah seperti lampiran.  
(No. Rujukan : 1.18.1)

**1.19 Statut Jawatankuasa Tetap Kewangan**

Statut Jawatankuasa Tetap Kewangan adalah seperti Lampiran.  
(No.Rujukan : 1.19.1)

### **1.20 Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan**

Terma dan rujukan bagi setiap jawatankuasa adalah seperti dalam lampiran mengikut no. rujukan berikut:

<b>No. Rujukan</b>	<b>Terma dan Rujukan Jawatankuasa</b>
1.20.1	Jawatankuasa Tetap Kewangan
1.20.2	Jawatankuasa Perolehan
1.20.3	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
1.20.4	Jawatankuasa Pelaburan
1.20.5	Jawatankuasa Belanjawan
1.20.6	Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti
1.20.7	Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan


### **1.21 Tatacara Mesyuarat Bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Kewangan**

Tatacara mesyuarat bagi setiap jawatankuasa adalah seperti lampiran. (No. Rujukan : 1.21.1) Setiap jawatankuasa hendaklah mematuhi tatacara mesyuarat yang ditetapkan. Pengecualian atau tambahan tatacara hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan dan dikemaskini dalam PKPU ini.

### **1.22 Tatacara Menandatangani Cek, Arahan Bayaran dan Surat Kuasa Kepada Pihak Bank**

Tatacara menandatangani cek, arahan bayaran dan surat kuasa kepada pihak bank adalah seperti lampiran.(No. Rujukan : 1.22.1)

**STRUKTUR JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN**



**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971(PINDAAN 2009)**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

- P.U.(A) 37** PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 30 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:
- Nama** 1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Pahang (Jawatankuasa Tetap Kewangan) 2008 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
- Tafsiran** 2. Dalam statut ini melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:  
(a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti menurut seksyen 37 Perlembagaan.  
(b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  
(c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 3(1) statut ini.  
(d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  
(e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi.
- Keahlian Jawatankuasa** 3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dalam statut ini disebut sebagai "Jawatankuasa" dan menurut peruntukan seksyen 15 Perlembagaan, Jawatankuasa adalah satu Pihak Berkuasa Universiti dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.  
(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Lembaga yang terdiri daripada:-  
(a) Pengerusi : Pengerusi yang merupakan ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;  
(b) Ahli : Naib Canselor;  
: Timbalan Naib Canselor;  
: Pendaftar;  
: Ahli Lembaga yang juga mewakili Kementerian Kewangan;  
(c) Setiausaha : Bendahari
- Hilang Kelayakan** 4. Penamatan ahli atau kehilangan kelayakan seseorang Jawatankuasa boleh berlaku atas alasan:-  
(a) Jika telah dibuktikan terhadapnya atau telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan:-  
(i) kesalahan melibatkan tipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;  
(ii) kesalahan di bawah undang-undang berhubung dengan rasuah;

- (iii) kesalahan di bawah Perlembagaan; atau
  - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh melebihi dua(2) tahun;
  - (b) jika menjadi bankrap;
  - (c) jika didapati atau diputuskan tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya; atau
  - (d) apa-apa alasan yang difikirkan wajar oleh Pengerusi atas nasihat ahli Jawatankuasa.
- Terhenti Menjadi Ahli** 5. Seseorang ahli hendaklah terhenti menjadi ahli:-
- (a) jika tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga(3) kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
  - (b) jika perlantikkannya dibatalkan; atau
  - (c) jika telah meletak jawatan atau bersara dari Universiti.
- Perletakan Jawatan** 6. Seseorang ahli Jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa.
- Mengisi kekosongan** 7. Jika mana-mana ahli Jawatankuasa terhenti menjadi ahli Jawatankuasa oleh sebab peruntukan dalam Perlembagaan, orang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh ahli itu dilantik.
- Elaun** 8. Ahli-ahli Jawatankuasa, hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- Mesyuarat** 9. (a) Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat dan agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.
- (b) Jika sekiranya Pengerusi tidak menghadiri sesuatu mesyuarat, Jawatankuasa berkenaan hendaklah memilih seorang Pengerusi di antara ahli yang hadir sebagai Pengerusi mesyuarat itu.
- Kuorum** 10. Kuorum mesyuarat hendaklah tiga orang ahli Jawatankuasa termasuk Pengerusi.
- Jawatankuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat** 11. (a) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang, termasuk pegawai-pegawai universiti yang bukan ahli Jawatankuasa itu, untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi pegawai itu tidak berhak mengundi.
- (b) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.
- Minit** 12. (a) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya
- (b) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.
- (c) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

- Pendedahan kepentingan**
13. (a) Seseorang ahli Jawatankuasa yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, melalui dirinya sendiri atau pekongsinya:-
- (i) suatu kepentingan dalam syarikat atau perusahaan yang dengannya Jawatankuasa itu bercadang hendak membuat suatu kontrak atau apa-apa perkiraan; atau
- (ii) suatu kepentingan dalam kontrak, perkiraan atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa itu, hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Jawatankuasa itu.
- (b) Pendedahan di bawah subperenggan (a) hendaklah direkodkan dalam minit Jawatankuasa itu dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Jawatankuasa itu berhubung dengan kontrak, perkiraan atau perkara itu.
- Kesahan tindakan dan prosiding**
14. Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa boleh dipersoalkan atas alasan bahawa:-
- (a) ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Jawatankuasa;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 13 oleh seorang ahli Jawatankuasa; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit perkara itu.
- Perwakilan Kuasa**
15. (a) Dalam menjalankan tugas, fungsi dan tanggungjawab, Jawatankuasa boleh mewakilkan mana-mana tugas, fungsi dan tanggungjawab tersebut kepada mana-mana pegawai atau Pihak Berkuasa Lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.
- (b) Perwakilan kuasa yang dibuat di bawah subperenggan (a) hendaklah dibuat secara bertulis oleh Setiausaha.
- (c) Perwakilan kuasa di bawah subperenggan (a) adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 56 Perlembagaan.
- Kuasa-kuasa Jawatankuasa**
16. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga, Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk:-
- (a) mengatur dan mengawal kewangan Universiti;
- (b) mengemukakan dan memperakukan draf anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang dikemukakan oleh Naib Canselor untuk pertimbangan Lembaga;
- (c) mengadakan dan membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara kewangan dan perakaunan Universiti;
- (d) menimbang dan menetapkan pegawai atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani sesuatu kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti dengan menetapkan atau menentukan amaun dan had-had kepada setiap pegawai yang dinamakan atau diberi kuasa untuk menandatangani kontrak tersebut bagi pihak Universiti;
- (e) menimbang dan menetapkan pegawai atau pegawai-pegawai yang diberikan tugas dan tanggungjawab mengutip dan memberi resit

kepada apa-apa bayaran dan terimaan wang bagi pihak Universiti sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga; dan

(f) menubuhkan Lembaga Perolehan, Jawatankuasa Pelaburan dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.

17. Lembaga boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan kewangan kepada Jawatankuasa.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
<b>Nama</b>	1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Tetap Kewangan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
<b>Tafsiran</b>	2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-  (a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti menurut seksyen 37 Perlembagaan.  (b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  (c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 3(2)(a) Peraturan ini.  (d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  (e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi.
<b>Keahlian Jawatan Kuasa</b>	3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dalam statut ini disebut sebagai "Jawatankuasa" dan menurut peruntukan seksyen 15 Perlembagaan, Jawatankuasa adalah satu Pihak Berkuasa Universiti dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.  (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Lembaga yang terdiri daripada:-  (a) Pengerusi : Pengerusi yang merupakan ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;  (b) Ahli : Naib Canselor; : Timbalan Naib Canselor; : Pendaftar; : Ahli Lembaga yang juga mewakili Kementerian Kewangan;  (c) Setiausaha : Bendahari
<b>Kuasa-kuasa Jawatankuasa</b>	4. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga, Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk:-  (a) Mengatur dan mengawal kewangan Universiti;  (b) Mengemukakan dan memperakukan draf anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang dikemukakan oleh Naib Canselor untuk pertimbangan Lembaga;

- (c) Meluluskan dasar kewangan dan perakaunan Universiti;
  - (d) Menimbang dan memperakukan Penyata Kewangan Tahunan kepada Lembaga;
  - (e) menimbang dan menetapkan pegawai atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani sesuatu kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti dengan menetapkan atau menentukan amaun dan had-had kepada setiap pegawai yang dinamakan atau diberi kuasa untuk menandatangani kontrak tersebut bagi pihak Universiti;
  - (f) Menimbang untuk meneripakai Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling lain daripada agensi Kerajaan;
  - (g) Meluluskan kadar yuran, sewaan, kadar bayaran perkhidmatan dan lain-lain yang kena dibayar kepada Universiti;
  - (h) Meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Universiti;
  - (i) Meluluskan pelupusan harta Universiti dan hapuskira hutang dan kehilangan kepada Universiti; dan
  - (j) Menubuhkan jawatankuasa lain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa untuk perolehan, pengurusan kewangan dan akaun, pelaburan, pelupusan aset dan lain-lain; menetapkan terma dan rujukan setiap Jawatankuasa serta menerima laporan daripada Jawatankuasa berkenaan.
5. Lembaga boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan kewangan kepada Jawatankuasa.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PEROLEHAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
<b>Nama</b>	1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Perolehan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
<b>Penguatkuasaan</b>	2. Perolehan melalui sebutharga/tender termasuk rundingan terus yang berkenaan hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Sebutharga Universiti atau Lembaga Perolehan mengikut had kuasa yang ditetapkan.
<b>Tafsiran</b>	3. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-  (a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Perolehan iaitu Jawatankuasa Sebutharga Universiti atau Lembaga Perolehan.  (b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  (c) Lembaga Perolehan ertinya Lembaga Perolehan A atau Lembaga Perolehan B.  (d) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 4(2) Peraturan ini.  (e) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  (f) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang bukan merupakan ahli Jawatankuasa.
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	4. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.  (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-  (a) Jawatankuasa Sebutharga Universiti  Pengerusi 1 : Naib Canselor Pengerusi 2 : (Pengerusi Gantian) Timbalan Naib Canselor Ahli : Pendaftar : Bendahari : Pengarah Kerja : Wakil Akademik Dekan Fakulti (Wakil Gantian 1) Dekan Fakulti (Wakil Gantian 2)

(b) Lembaga Perolehan A

Pengerusi 1 : Naib Canselor  
Pengerusi 2 : (Pengerusi Gantian) Timbalan Naib Canselor  
Ahli : Pendaftar  
: Bendahari  
: Pengarah Kerja  
: Dekan Fakulti  
: Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
: Wakil Kementerian Pengajian Tinggi

(c) Lembaga Perolehan B

Pengerusi 1 : Naib Canselor  
Pengerusi 2 : (Pengerusi Gantian) Timbalan Naib Canselor  
Ahli : Pendaftar  
: Bendahari  
: Pengarah Kerja  
: Wakil Kementerian Pengajian Tinggi

**Korum** 5. Korum bagi setiap mesyuarat hendaklah tidak kurang daripada tiga(3) orang. Mesyuarat hanya dapat dijalankan sekiranya dipengerusikan oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor. Bagi Lembaga Perolehan A, Wakil daripada Kementerian Kewangan adalah diwajibkan hadir.

**Had Kuasa** 6. (a) Jawatankuasa Sebutharga Universiti mempunyai kuasa setuju terima perolehan bernilai RM50,000.00 hingga RM500,000.00 bagi bekalan dan perkhidmatan dan RM20,000.00 sehingga RM500,000.00 bagi kerja.  
(b) Lembaga Perolehan Universiti mempunyai kuasa setuju terima semua perolehan yang bernilai lebih RM500,000.00 sehingga had-had seperti berikut:-

	<u>Tender Terbuka</u>	<u>Tender Terhad</u>
Lembaga Perolehan A	Lebih RM20 juta sehingga RM100 juta	Setakat RM10 juta
Lembaga Perolehan B	Setakat RM20 juta	

**Kuasa-kuasa Jawatankuasa** 7. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Perolehan hendaklah mempunyai kuasa untuk:-

- (a) Menimbang, menilai dan membuat keputusan bagi perolehan Universiti mengikut had kuasa yang ditetapkan,
- (b) Menimbang, menilai dan memperakukan untuk kelulusan Kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan lain bagi perolehan yang berkaitan,
- (c) Menimbang, menilai dan memperakukan laporan dan hal-hal yang berkaitan dengan perolehan.

8. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Perolehan.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN  
DAN AKAUN**

<b>P.U.(A) 37</b>	<p>PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 10 Tahun 2008, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:</p>
<b>Nama</b>	<p>1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.</p>
<b>Fungsi</b>	<p>2. Membantu Universiti mengawasi, memantau dan menyelia urusan kewangan termasuk aspek keberkesanan dan pemantauan isu kewangan dan perakaunan supaya menepati kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa</p>
<b>Tafsiran</b>	<p>3. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.</li><li>(b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.</li><li>(c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 4(2)(a) Peraturan ini.</li><li>(d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.</li><li>(e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa.</li></ul>
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	<p>4. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.</p> <p>(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Pengerusi : Naib Canselor</li><li>(b) Ahli : Timbalan-Timbalan Naib Canselor : Pendaftar : Ketua Pustakawan : Pengarah Pembangunan Dan Pengurusan Harta : Ketua Audit Dalam : Semua Dekan dan Ketua Jabatan</li><li>(c) Setiausaha : Bendahari</li></ul>

**Kuasa-kuasa  
Jawatankuasa**

5. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah mempunyai kuasa untuk:
  - (a) mengawasi, mengesan dan menyelia urusan kewangan dan akaun meliputi:
    - (i) Pengurusan Bajet;
    - (ii) Pengurusan Perakaunan (Buku Vot, Akaun Panjar, Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Akaun Deposit);
    - (iii) Pengurusan Perolehan;
    - (iv) Pengurusan Pungutan Dan Tunggakan Hasil;
    - (v) Pengurusan Aset Dan Stor;
    - (vi) Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan penyata Kewangan, tindakan susulan terhadap Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara; dan
    - (vii) Latihan untuk pegawai dan kakitangan yang mengurus hal-hal kewangan dan akaun
  - (b) Memantau prestasi kewangan dan perbelanjaan setiap Pusat Tanggungjawab.
6. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PELABURAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
<b>Nama</b>	1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Pelaburan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
<b>Tafsiran</b>	2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-  (a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Pelaburan.  (b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  (c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 3(2)(a) Peraturan ini.  (d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  (e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa.
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.  (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-  (a) Pengerusi : Naib Canselor (b) Ahli : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bendahari  (c) Setiausaha : Dua(2) Orang Wakil Dari Badan Profesional Pegawai Universiti yang dilantik oleh Pengerusi
<b>Kuasa-kuasa Jawatankuasa</b>	4. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pelaburan hendaklah mempunyai kuasa untuk:  (a) Mengawal dan mentadbir pelaburan surplus wang Universiti yang tidak berpunca daripada kerajaan dan Kumpulanwang-Kumpulanwang Amanah Universiti, selain wang tunai di bank, simpanan tetap di Institusi Kewangan dan aset-aset tunai lain;  (b) Memperakukan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti tentang dasar pelaburan Universiti;  (c) Meluluskan instrumen dan sekuriti pelaburan untuk portfolio pelaburan Universiti;  (d) Memantau prestasi pelaburan;

- (e) Memperakukan perlantikan pengurus dana atau firma pengurus dana yang diberi kuasa untuk mengendalikan urusan pelaburan yang berkaitan mengikut jenis, had nilai dan syarat pelaburan;
  - (f) Menentukan institusi kewangan di mana pelaburan hendak dilakukan;
  - (g) Menerima dan meneliti laporan-laporan tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa;
  - (h) Membuat laporan berkala kepada Lembaga Pengarah Universiti;
  - (i) Mencadangkan agihan keuntungan daripada pelaburan kepada Lembaga Pengarah Universiti;
  - (j) Mengemukakan cadangan pelaburan baru atau penjualan saham kepada Lembaga Pengarah Universiti.
5. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pelaburan.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA BELANJAWAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
<b>Nama</b>	1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Belanjawan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
<b>Tafsiran</b>	2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-  (a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Belanjawan.  (b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  (c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 3(2)(a) Peraturan ini.  (d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  (e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa.
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.  (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-  (a) Pengerusi : Naib Canselor (b) Ahli : Timbalan-Timbalan Naib Canselor : Pendaftar : Bendahari : Ketua Pustakawan : Pengarah Kerja, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta : Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (c) Setiausaha : Pegawai Kewangan, Unit Bajet
<b>Kuasa-kuasa Jawatankuasa</b>	4. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Belanjawan hendaklah mempunyai kuasa untuk:  (a) Menyemak dan memperakukan anggaran belanjawan mengurus tahunan untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Lembaga;  (b) Menyemak dan memperakukan agihan belanjawan mengurus tahunan untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Lembaga;  (c) Menyemak dan memperakukan perkara-perkara berkaitan belanjawan Universiti termasuk agihan selepas semakan belanjawan mengurus pertengahan tahun;

- (d) Menyemak dan memperakukan laporan belanjawan tahunan Universiti sebelum dihantar ke Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan;
  - (e) Meluluskan laporan belanjawan mengurus setiap suku tahun dan hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan.
5. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Belanjawan.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET  
UNIVERSITI**

<b>P.U.(A) 37</b>	<p>PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:</p>
<b>Nama</b>	<p>1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.</p>
<b>Tafsiran</b>	<p>2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti.</li><li>(b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.</li><li>(c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 3(2)(a) Peraturan ini.</li><li>(d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.</li><li>(e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa.</li></ul>
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	<p>3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.</p> <p>(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Pengerusi : Bendahari</li><li>(b) Ahli : Pengarah, JPPH : Ketua Audit Dalam : Pegawai-Pegawai Lain Yang Sesuai</li><li>(c) Setiausaha : Pegawai Kewangan, Unit Aset</li></ul>
<b>Kuasa-kuasa Jawatankuasa</b>	<p>4. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti hendaklah mempunyai kuasa untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset Universiti terutama:<ul style="list-style-type: none"><li>(a) Kedudukan Semasa Aset Universiti;</li><li>(b) Laporan Hasil Pemeriksaan Aset;</li><li>(c) Laporan Tindakan Pelupusan;</li><li>(d) Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib; dan</li><li>(e) Masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan aset.</li></ul></li></ul> <p>5. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti.</p>

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PEMERIKSA PELUPUSAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
<b>Nama</b>	1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Terma Dan Rujukan Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
<b>Tafsiran</b>	2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:-  (a) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan.  (b) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16 Perlembagaan.  (c) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 2(a) Peraturan ini.  (d) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.  (e) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa yang boleh merupakan ahli Jawatankuasa atau bukan ahli Jawatankuasa.
<b>Keahlian Jawatan kuasa</b>	3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga, Pihak Berkuasa Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan.  (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-  (a) Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan (Harta Bukan Komputer) Pengerusi : Pengarah Kerja, JPPH Ahli : Jurutera : Pegawai Jabatan Pendaftar/Jurutera : Pengajar/Wakil Jabatan Atau Fakulti Yang Berpengalaman Dalam Peralatan/Barangan Setiausaha : Pegawai Kewangan, Unit Aset  (b) Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan (Harta Komputer) Pengerusi : Pengarah, : Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi Ahli : Pegawai Sistem Maklumat : Seorang Staf Akademik Dalam Bidang Berkaitan Setiausaha : Pegawai Kewangan, Unit Aset
<b>Kuasa-kuasa Jawatankuasa</b>	4. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan hendaklah mempunyai kuasa untuk:  (i) Menimbang laporan-laporan dan membuat perakuan untuk kelulusan Mesyuarat Berkuasa Pelupusan bagi harta yang nilai perolehan keseluruhannya tidak melebihi RM500,000.00.

- (ii) Menimbang laporan-laporan dan membuat perakuan untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan atau Lembaga bagi harta yang nilai perolehan keseluruhannya bernilai RM500,000.00 dan ke atas.
5. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan.
- Had Kuasa Pihak Berkuasa Pelupusan**
6. (i) Mesyuarat Berkuasa Pelupusan mempunyai kuasa melupus bagi harta yang nilai perolehan keseluruhannya tidak melebihi RM500,000.00.  
(ii) Jawatankuasa Tetap Kewangan atau Lembaga mempunyai kuasa melupus bagi harta yang nilai perolehan keseluruhannya bernilai RM500,000.00 dan ke atas.
- Mesyuarat Berkuasa Pelupusan**
7. Mesyuarat Berkuasa Pelupusan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik yang terdiri daripada:-
- (a) Pengerusi : Naib Canselor/Timbangan Naib Canselor  
(b) Ahli : Bendahari  
: Ahli-ahli Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan (Harta Bukan Komputer) atau  
: Ahli-ahli Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan (Harta Komputer)  
(c) Setiausaha : Pegawai Kewangan, Unit Aset
8. Kelulusan Mesyuarat Berkuasa Pelupusan hendaklah dibawa ke Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk makluman.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TATACARA MESYUARAT BAGI JAWATANKUASA-JAWATANKUASA  
PENGURUSAN KEWANGAN**

<b>P.U.(A) 37</b>	<p>PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, tatacara yang berikut:</p>
<b>Nama</b>	<p>1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Tatacara Mesyuarat Bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Kewangan) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.</p>
<b>Penguatkuasaan</b>	<p>2. Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Kewangan hendaklah mematuhi tatacara mesyuarat yang ditetapkan. Pengecualian atau tambahan tatacara hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan.</p>
<b>Tafsiran, Keahlian dan Bidang Kuasa Jawatankuasa</b>	<p>3. Tafsiran, keahlian dan bidang kuasa setiap Jawatankuasa Pengurusan Kewangan adalah mengikut Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang, Terma dan Rujukan bagi setiap Jawatankuasa</p>
<b>Mesyuarat</b>	<p>4. (1) Mesyuarat-mesyuarat biasa Jawatankuasa hendaklah diadakan dari masa ke masa pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi dengan syarat bahawa Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat biasa sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tiga bulan.</p> <p>(2) Sesuatu mesyuarat khas Jawatankuasa boleh diadakan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi sendiri atau atas permintaan daripada sekurang-kurangnya dua orang ahli Jawatankuasa yang dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha dengan menyatakan tujuan mesyuarat itu.</p>
<b>Notis Mesyuarat</b>	<p>5. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat biasa hendaklah disampaikan secara bertulis oleh Setiausaha kepada ahli-ahli jawatankuasa selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.</p> <p>(2) Notis bagi sesuatu mesyuarat khas hendaklah disampaikan oleh setiausaha kepada ahli-ahli Jawatankuasa sama ada secara bertulis atau secara lisan tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.</p> <p>(3) Notis bagi sesuatu mesyuarat hendaklah menyatakan tempat, tarikh dan masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.</p> <p>(4) Notis mesyuarat boleh juga diedarkan melalui faksimili atau email dengan disusuli dengan surat biasa.</p>
<b>Agenda</b>	<p>6. (1) Agenda bagi sesuatu mesyuarat biasa serta kertas-kertas yang berkaitan hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa selewat-lewatnya tujuh(7) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.</p> <p>(2) Seseorang ahli Jawatankuasa yang hendak memasukkan sesuatu perkara dalam agenda mesyuarat biasa hendaklah memberitahu Setiausaha selewat-lewatnya sepuluh(10) hari sebelum mesyuarat diadakan.</p> <p>(3) Agenda bagi sesuatu mesyuarat khas hendaklah disampaikan kepada</p>

		ahli-ahli Jawatankuasa bersama-sama dengan notis mesyuarat itu.
<b>Korum</b>	7.	Kuorum mesyuarat hendaklah tiga orang ahli Jawatankuasa termasuk Pengerusi.
<b>Pengerusi</b>	8.	(1) Pengerusi, jika ia hadir hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat jawatankuasa.  (2) Jika Pengerusi tidak hadir pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa atau sebahagian darinya, maka selama ia tidak hadir itu mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang ahli Jawatankuasa yang dipilih oleh ahli-ahli jawatankuasa yang hadir.
<b>Perjalanan Mesyuarat</b>	9.	(1) Perjalanan sesuatu mesyuarat jawatankuasa hendaklah mengikut agenda yang telah diedarkan terlebih dahulu menurut paraturan 6 Dengan syarat bahawa Jawatankuasa boleh jika difikir patut meminda susunan perkara-perkara yang telah dimasukkan dalam agenda.  (2) Apa-apa perkara yang tidak ada dalam agenda bagi sesuatu mesyuarat biasa boleh, jika difikirkan patut oleh Jawatankuasa, ditimbang dan diputuskan oleh Jawatankuasa pada mesyuarat itu di bawah "hal-hal lain".  (3) Jawatankuasa tidak boleh, dalam sesuatu mesyuarat khas, membuat apa-apa keputusan mengenai sesuatu perkara yang tidak dimasukkan dalam agenda bagi mesyuarat itu.  (4) Jika sesuatu mesyuarat ditamatkan sebelum menyelesaikan kesemua perkara dalam agenda bagi mesyuarat itu, maka perkara-perkara yang belum selesai itu bolehlah diselesaikan dalam mesyuarat khas atau dimasukkan dalam agenda bagi mesyuarat biasa berikutnya.  (5) Dengan syarat bahawa jika dipersetujui oleh semua ahli yang hadir sesuatu mesyuarat boleh ditangguhkan untuk disambung semula pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
<b>Pengundian</b>	10.	(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam peraturan-peraturan ini, sesuatu soal dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi ahli-ahli yang hadir.  (2) Pengerusi dan ahli-ahli lain yang hadir adalah berhak menggunakan satu undi tiap-tiap seorang, tetapi jika sekiranya bilangan undi sama banyaknya, Pengerusi adalah berhak menggunakan undi kedua atau undi pemutus.  (3) Seseorang ahli yang membantah sesuatu keputusan Jawatankuasa mengenai sesuatu perkara boleh meminta supaya bilangan undi yang menyokong dan menentang keputusan itu serta undinya sendiri direkodkan dalam minit mesyuarat Jawatankuasa.  (4) Bagi maksud perenggan (2), "Pengerusi" adalah termasuk seseorang ahli Jawatankuasa yang dipilih untuk mempengerusi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa mengikut peraturan 8.
<b>Urusan Segera</b>	11.	(1) Sesuatu perkara yang pada pendapat Setiausaha memerlukan keputusan segera boleh dikemukakan untuk keputusan Jawatankuasa menerusi surat edaran kepada ahli-ahli Jawatankuasa dan dalam hal demikian, tiap-tiap ahli hendaklah diberi masa sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk menyatakan pendapatnya atas perkara itu. (2) Sesuatu soal yang dikemukakan secara edaran hendaklah diputuskan mengikut persetujuan sebulat suara semua ahli yang memberi jawapan

kepada Setiausaha dalam masa yang diberikan mengikut perenggan (1).

(3) Dengan syarat bahawa bilangan ahli yang memberi jawapan itu hendaklah tidak kurang daripada bilangan yang diperlukan untuk mengadakan korum.

(4) Jika pada akhir masa yang diberikan menurut perenggan (1) itu didapati bahawa:

(i) ada sekurang-kurangnya seorang ahli yang memberi jawapan menyatakan ianya tidak bersetuju dengan usul yang dikemukakan secara edaran itu; atau

(ii) bilangan ahli yang telah memberi jawapan adalah kurang daripada yang diperlukan untuk mengadakan korum, maka usul itu hendaklah dibentangkan dalam satu mesyuarat biasa yang berikutnya.

(iii) tiap-tiap keputusan yang dibuat secara edaran hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa dalam mesyuarat biasa yang berikutnya untuk disahkan.

**Minit**

12. (1) Minit-minit bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa dalam masa tujuh (7) hari selepas mesyuarat itu diadakan.

(2) Cadangan-cadangan bagi meminda sesuatu minit hendaklah disampaikan kepada Setiausaha dalam masa tujuh (7) hari selepas minit itu diedarkan kepada ahli-ahli. Jika tiada apa-apa cadangan diterima oleh Setiausaha dalam tempoh itu, maka minit itu sebagaimana yang disediakan oleh Setiausaha hendaklah dianggap betul dan tindakan-tindakan berasaskan kepadanya hendaklah diambil.

(3) Minit-minit bagi sesuatu mesyuarat biasa atau mesyuarat yang disahkan hendaklah disifatkan sebagai rekod yang lengkap mengenai keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa.

(4) Jika ada apa-apa keraguan mengenai tafsiran sesuatu minit mesyuarat Jawatankuasa maka perkara itu hendaklah diputuskan dengan merujuk kepada apa-apa kertas Jawatankuasa yang telah dibentangkan dalam mesyuarat itu. Jika keraguan itu tidak dapat dijelaskan dengan cara demikian, Jawatankuasa hendaklah memutuskan perkara itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.

(5) Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dengan seberapa segera yang boleh.

**Menggantung  
Dan Meminda  
Peraturan**

13. (1) Mana-mana peraturan dalam peraturan ini melainkan peraturan 7 boleh dikecualikan bagi sesuatu mesyuarat biasa Jawatankuasa jika dipersetujui oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat itu.

(2) Pindaan kepada peraturan ini boleh diluluskan menerusi ketetapan Jawatankuasa yang dibuat dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah ahli Jawatankuasa.

(3) Dengan syarat bahawa sesuatu pindaan kepada peraturan-peraturan ini tidak boleh dikuatkuasakan sehingga minit mesyuarat yang meluluskan pindaan itu disahkan dalam mesyuarat biasa yang berikutnya.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
TATACARA MENANDATANGANI CEK,  
ARAHAN BAYARAN DAN SURAT KUASA KEPADA PIHAK BANK**

- P.U.(A) 37** PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Jawatankuasa Tetap Kewangan membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, peraturan yang berikut:
- Nama** 1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Tatacara Menandatangani Cek, Arahan Bayaran Dan Surat Kuasa Kepada Pihak Bank) dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
- Kuasa-kuasa** 2. Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan, Pegawai Universiti berikut mempunyai kuasa untuk menandatangani cek, arahan bayaran dan surat kuasa kepada pihak bank mengikut kumpulan berikut :
- (i) KUMPULAN A : Naib Canselor  
: Pendaftar  
: Bendahari
  - (ii) KUMPULAN B : Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)  
: Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
: Timbalan Bendahari  
: Pegawai Kewangan Kanan
  - (iii) KUMPULAN C : Pegawai Kewangan
- Had Kuasa** 3. Had kuasa menandatangani cek dan dokumen berkenaan dengan pihak bank bagi setiap urusan niaga pembayaran adalah seperti berikut:
- (i) RM200,000.01 : Kombinasi 3 penandatangan daripada ke atas mana-mana kumpulan A, B dan C dengan wajib 1 penandatangan daripada Kumpulan A.
  - (ii) RM50,000.01 : Kombinasi 3 penandatangan daripada hingga RM200,000.00 mana-mana kumpulan A, B dan C.
  - (iii) Sehingga RM50,000.00 : Kombinasi 2 penandatangan daripada mana-mana kumpulan A, B dan C.
4. Lembaga dan Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh menetapkan apa-apa kuasa dan kewajipan lain.